

Headline	Bank sedia 236 mesin deposit syiling		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	314,000
Page No	B6	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	246 cm <sup>2</sup>
Journalist	Nurhayati Abillah	AdValue	RM 8,447
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,341



# Bank sedia 236 mesin deposit syiling

» *Permudah  
orang awam,  
peniaga simpan  
terus duit  
dalam akaun*

Oleh Nurhayati Abillah

**S**ejumlah 236 mesin deposit duit syiling sudah disediakan oleh bank-bank yang mengambil bahagian di seluruh negara bagi memudahkan proses mendepositkan syiling oleh peniaga dan orang ramai.

Bank Negara Malaysia (BNM) dalam kenyataannya berkata, mesin layan diri automasi itu membolehkan pelanggan bank yang mengambil bahagian serta Tabung Haji mendepositkan duit syiling mereka tanpa dikenakan sebarang caj.

Semua mesin berkenaan, katanya sudah ditempatkan di bank tertentu, pasar raya dan cawangan Tabung Haji.

**Banyak tak dikembalikan**  
"Kemudahan ini disediakan berikutan setiap tahun, didapati sejumlah besar duit syiling yang dikeluarkan BNM tidak dikembalikan untuk edaran semula.

"Oleh itu, orang ramai digalakkan untuk mengembalikan duit syiling mereka dan pada masa sama memperoleh

manfaat daripada pertambahan simpanan mereka," kata kenyataan yang dikeluarkan di Kuala Lumpur, semalam.

BNM berkata, mesin deposit duit syiling di institusi kewangan yang mengambil bahagian akan mengkreditkan akaun pendeposit pada hari sama untuk syiling yang didepositkan sebelum jam 4 petang dan keesokan harinya bagi duit syiling yang didepositkan selepas jam 4 petang.

**Terima baucar beli-belah**

"Manakala, bagi kemudahan sama yang ditempatkan di pasar raya yang mengambil bahagian, pelanggan akan menerima baucar membeli-belah sama nilainya dengan jumlah duit syiling yang didepositkan," katanya.

Untuk maklumat lanjut mengenai lokasi mesin berkenaan ditempatkan, boleh dapati dengan melayari laman web BNM di [www.bnm.gov.my](http://www.bnm.gov.my) atau menghubungi institusi kewangan yang mengambil bahagian.

Headline	Bank sedia 236 mesin deposit syiling		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	314,000
Page No	B6	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	246 cm <sup>2</sup>
Journalist	Nurhayati Abllah	AdValue	RM 8,447
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,341



Antara mesin deposit syiling yang ditempatkan di bank terpilih untuk **memudahkan urusan orang awam dan peniaga.**